

# **KEPENTINGAN KAEDEAH PENYELIDIKAN MODEN DALAM FATWA SEMASA**

Mohd Faez Bin Mohd Shah<sup>1</sup>  
Noor Naemah Bt Abdul Rahman<sup>2</sup>



## **ABSTRACT**

*Fatwa is an answer to the questions that solved the problems faced by Muslim's society. It should be based on accuracies of the research by practising the current methods. Present article explained on the methods that should be followed by mufti to handle the current issues. This article is based on the literature reviews by analyzing the views of traditional dan contemporary Muslim scholars as they discussed on the procedures that must be taken before issuing the fatwa. The findings show that the Muslim scholars have been discussed the steps in handling the fatwa issues in the real situation but it should be improved with the current methods.*

**Keywords:** Research, fatwa, current reality, mufti.

## **ABSTRAK**

Fatwa bukan sahaja bersifat jawapan kepada persoalan yang diajukan tetapi juga penyelesaian terhadap kemosyikilan yang berlaku dalam masyarakat Islam. Oleh itu, jawapan yang diberikan seharusnya berlandaskan kepada penyelidikan hukum yang kukuh dengan mengambil kira bentuk kajian semasa. Artikel ini bertujuan menjelaskan

<sup>1</sup> Tutor, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>2</sup> Prof. Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

kaedah yang perlu dipraktikkan oleh seseorang mufti dalam melakukan penyelidikan fatwa bagi menangani isu-isu semasa yang timbul. Artikel ini disediakan berasaskan kajian kepustakaan yang dilakukan dengan menganalisis pandangan para ulama tradisi dan semasa sewaktu mereka membincangkan langkah-langkah yang perlu dilalui sebelum fatwa diputuskan. Hasil kajian mendapati bahawa para ulama telah membincangkan langkah-langkah penting dalam menyelesaikan sesuatu persoalan berdasarkan realiti yang berlaku namun ianya perlu ditransformasikan dengan mengambil kira kaedah penyelidikan semasa.

**Kata kunci:** Penyelidikan, fatwa, realiti semasa, mufti

## PENGENALAN

Fatwa merupakan jawapan hukum yang dikemukakan oleh mufti sebagai respon terhadap persoalan yang diajukan kepadanya (Noor Naemah 2002: 19). Hakikatnya, fatwa mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam perkembangan hukum Islam, bahkan kewujudan instrumen fatwa membantu proses perkembangan dan pembinaan hukum Islam yang lebih efisien dan realistik. Setiap jawapan dan bentuk fatwa yang diputuskan, akan menggambarkan corak pemikiran hukum masyarakat pada sesuatu waktu. Fatwa yang diputuskan adalah cerminan kepada realiti sebenar masyarakat pada sesuatu zaman. Secara tidak langsung, ia menangkis spekulasi dan tanggapan negatif sebahagian pengkaji barat bahawa fatwa hanya bersifat rekaan dan hasil garapan seorang mufti yang kadang kala merupakan idea hukum yang jumud.

Fatwa akan melalui proses perkembangan dan perubahan selari dengan tuntutan dan keperluan masyarakat. Semakin maju dan membangun sesebuah masyarakat, maka semakin aktif dan rancaknya aktiviti fatwa lantaran kedudukannya sebagai medium atau alat penting untuk menyelesaikan isu-isu baru yang timbul dalam kalangan masyarakat sebagai memenuhi tuntutan dan keperluan jawapan hukum kepada akviti harian mereka (Noor Naemah 2002: 19).

Fatwa bukanlah jawapan hukum yang bersifat jumud tanpa boleh diubah atau dipinda bahkan jawapan fatwa mestilah mengambil kira realiti yang berlaku dengan melihat perubahan kondisi, masa, tempat dan lokaliti (Abdul Karim 2007: 54).

Untuk mengemuakan jawapan fatwa kepada persoalan semasa yang berbangkit sudah tentu memerlukan usaha penyelidikan kerana penyelidikan amat penting dalam menangani sesuatu permasalahan yang berlaku supaya setiap persoalannya dapat dirungkaikan (Idris Awang 1999: 48). Begitu juga dengan amalan berfatwa dalam institusi fatwa di Malaysia, aktiviti penyelidikan menjadi agenda penting sebelum pihak jawatankuasa fatwa dan mufti memutuskan sesuatu fatwa kerana penyelidikan yang terperinci bakal melahirkan keputusan fatwa yang matang dan meyakinkan.

## KONSEP FATWA DAN REALITI SEMASA

### Definisi Fatwa

Fatwa berasal daripada perkataan *al-fata* yang bermaksud pemuda yang kuat (Ibn al-Manzur 1990, 15: 148), yakni seolah-olahnya fatwa yang dikeluarkan oleh mufti bagi suatu yang samar menjadikan hukumnya kuat dan kukuh (Zulkifli 2008). Ibn al-Manzur mendefinisikan fatwa dengan maksud penjelasan atau keterangan (Ibn al-Manzur 1990, 15:148). Justeru itu, makna fatwa pada bahasa boleh diertikan sebagai penjelasan, keterangan atau pengkhabaran. Namun begitu, fatwa pada bahasa tidak boleh diertikan dengan makna perkhabaran atau penjelasan semata-mata tetapi fatwa perlu difahami sebagai suatu petunjuk dan pertolongan kepada pihak yang bertanya bagi memberi penjelasan tentang kebenaran yang harus diikutinya dalam merungkaikan kemosykilan yang telah atau akan berlaku (al-Hakami 1995: 5). Pada istilah pula, takrifan fatwa dapat dirumuskan dengan maksud perkhabaran tentang hukum-hukum syarak yang dikemukakan oleh seorang mufti bagi menjawab isu-isu yang berlaku samada dalam bentuk respon hukum kepada soalan yang ditanya atau semata-mata penjelasan bagi sesuatu hukum di mana ia boleh bersifat sebagai sesuatu yang mengikat atau sekadar pemberitahuan sahaja (al-Qarafi 1998, 4: 112; al-Asfahani 1412H: 625; al-Shatibi 1997: 349).

### Definisi Realiti Semasa

Realiti semasa cukup sinonim dengan perubahan zaman dan masa yang berlaku. Pembaharuan dalam aspek kehidupan manusia akan mewujudkan realiti kehidupan semasa yang baru sesuai dengan

keperluan dan tuntusan semasa yang wujud sama ada dari segi budaya, persekitaran, lokaliti, adat dan seumpamanya. Jika diimbas kembali, para sarjana silam telah lama mengambil kira input realiti semasa dalam fatwa-fatwa mereka. Contohnya perbezaan *qawl qadim* dan *qawl jadid* dalam aliran mazhab al-Shafi'i (Abdul Karim 2007: 61), pengambilkiraan Amalan Ahli Madinah bagi penentuan hukum dalam mazhab al-Maliki dan aplikasi *istihsan* dalam mazhab al-Hanafi (Abu Zuhrah t.t: 378).

Ahmad Bu'ud mendefinisikan realiti semasa dengan maksud setiap keadaan yang merangkumi aspek kehidupan manusia dalam pelbagai bidang dan cabang berdasarkan suasana, realiti, objektif dan perkembangannya (Ahmad Bu'ud 2006: 40). 'Abd al-Majid al-Najar pula menjelaskan bahawa, realiti semasa ditakrifkan sebagai setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan manusia dengan pelbagai cabang yang berbeza di mana ia menentukan corak kehidupan mereka sehingga membentuk adat, ikutan dan uruf yang tersendiri dan akhirnya melahirkan pelbagai situasi semasa dan perkara-perkara baru (al-Najar 1989: 111).

Realiti semasa yang berlaku dipengaruhi oleh pelbagai elemen yang berlaku dalam kehidupan manusia terutama adat setempat, uruf yang menjadi amalan warisan sejak turun temurun dan keperluan masakini yang mendesak perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Ditambah dengan kewujudan teknologi moden dalam pelbagai bidang harian masyarakat, pembaharuan semasa dalam bidang ekonomi, perubatan dan perubahan sosial, maka sudah semestinya ia melahirkan pelbagai isu semasa yang memungkinkan perubahan hukum berlaku.

## PROSES PENGELOUARAN FATWA

Sebelum keputusan fatwa dikeluarkan oleh seorang mufti, fatwa tersebut haruslah melalui beberapa langkah penyelidikan yang menjadi asas kepada para mufti untuk mengeluarkan fatwa. Tujuannya agar fatwa yang diputuskan benar-benar menepati kehendak syarak. Bahkan langkah-langkah tersebut menjadi mekanisme yang boleh mengelakkan berlakunya penyelewangan dan kegelinciran dalam berfatwa. Sebuah keputusan fatwa yang akan merangkumi hukum halal atau haram, sah atau batal, harus atau tidak, secara jelas menyentuh tentang hukum syarak yang menjadi hak mutlak kepada Allah SWT.

Oleh itu, jawapan hukum tersebut mestilah melalui satu proses atau langkah yang benar-benar cermat untuk menghasilkan hukum yang tepat bagi menjawab persoalan yang berlaku. Praktikal fatwa tidak hanya bergantung semata-mata kepada kefahaman tentang hukum syarak sahaja tetapi juga hukum syarak yang bagaimanakah perlu diputuskan bagi memberikan jawapan yang mewakili realiti kehidupan yang berlaku dengan melihat suasana persekitaran, masyarakat dan uruf semasanya.

### **Langkah Pertama: *Al-Tasawwur***

Langkah pertama dalam proses pengeluaran fatwa ialah *al-Tasawwur*. Fungsinya sebagai penentu jawapan fatwa yang bakal diputuskan oleh seorang mufti. Oleh itu, *al-Tasawwur* ialah peringkat pengenalpastian soalan atau masalah yang dikemukakan oleh pihak *al-mustafti* (al-Najar 1989: 111) di mana pada peringkat ini pihak *mufti* akan bertindak dengan penuh cermat bagi menentukan apakah masalah yang terkandung dalam persoalan yang dikemukakan oleh pihak *al-mustafti* untuk diputuskan fatwa mengenainya (al-Najar 1989: 111).

Dalam peringkat ini, mufti perlu memahami dengan jelas mengenai isu atau persoalan yang diajukan supaya dapat mengelakkan salah faham terhadap kehendak soalan tersebut. Kefahaman yang jelas mengenai kehendak soalan yang diajukan oleh pihak *al-mustafti* sangat membantu untuk menghasilkan jawapan fatwa yang tepat (Muhammad al-Basri 1965, 2: 932). Oleh itu, mufti perlu berhati-hati dan bersifat cermat dalam meneliti setiap persoalan fatwa yang diajukan kepadanya dengan menyelidiki dan mengkaji latarbelakang persoalan tersebut berasaskan empat faktor, masa, tempat dan suasana persekitaran (Dar al-Ifta al-Misriyah 2012).

Dalam konteks usul al-fiqh, kepentingan *al-Tasawwur* sebagai langkah pertama dalam proses penghasilan fatwa diperkuatkan dengan kaedah fiqh yang menyebut *الحكم على شيءٍ فرع عن تصوّره* iaitu *penentuan hukum ke atas sesuatu merupakan perkara yang terhasil daripada gambaran ke atas perkara tersebut* (al-Subki 1991, 2: 385). Kaedah ini menegaskan bahawa, penentuan sesuatu hukum tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa melihat realiti yang berlaku bahkan hukum yang tepat terhasil dari kefahaman yang mendalam mengenai situasinya yang jelas. Menurut al-Subki,

kejahanan dalam memahami gambaran yang sebenar terhadap sesuatu perkara boleh menyebabkan kesilapan dalam mensabitkan hukum syarak (al-Subki 1991, 2: 385). Oleh itu, penjelasan dari kaedah fiqh ini mengukuhkan lagi keperluan *al-Tasawwur* sebagai langkah utama dalam proses pengeluaran fatwa di mana pengabaian langkah ini akan menyebabkan kegelinciran dalam menentukan hukum syarak yang akhirnya bertentangan dengan objektif pensyariatan.

Secara realiti, ulama-ulama usul telah memberi penekanan yang serius terhadap penerapan langkah *al-tasawwur* ini di dalam proses penentuan hukum syarak. Dalam hal ini, Abu Zuhrah menegaskan bahawa seorang mufti perlu meneliti sesuatu isu dengan cermat tanpa bersikap tergopoh-gapah atau terburu-buru dalam mengeluarkan fatwanya bahkan setiap persoalan yang diajukan kepadanya perlu difikirkan dan diamati secara mendalam (Abu Zuhrah 2003: 378). Menurut al-Baghdadi, memahami realiti masyarakat merupakan sifat yang perlu dipraktikkan oleh seorang mufti sebelum menyediakan jawapan fatwa bagi mengelakkan berlakunya amalan bertaklid di dalam aktiviti pembuatan hukum (al-Baghdadi 1990, 5: 1599). Ini kerana kefahaman secara mendalam tentang isu fatwa dapat menghindarkan berlakunya ketidaktepatan dan kesalahan dalam mengeluarkan fatwa.

### **Langkah Kedua: *Al-Takyif***

Setelah pihak mufti meneliti dan memahami dengan jelas isu atau persoalan yang dikemukakan, penyelidikan fatwa akan beralih kepada langkah yang kedua iaitu *al-Takyif*. Ia merujuk kepada penyesuaian atau pemadanan isu yang dikaji dengan kerangka hukum fiqh yang telah sedia ada. Di peringkat yang kedua ini, persoalan yang berbangkit akan dipadankan dengan kerangka hukum yang sedia ada. Dalam proses ini penentuan akan dibuat apakah isu yang dibangkitkan merupakan isu yang sudah ada rujukan yang *qat'i* atau isu baru yang memerlukan ijithad (Noor Naemah 2009: 116).

Sekiranya isu tersebut merupakan persoalan yang sudah ditemui jawapannya secara *qat'i* dalam nas al-Quran dan al-Sunnah, maka persoalan tersebut tidak boleh menerima ijithad baru kerana hukumnya telah disabitkan melalui nas yang jelas dari al-Quran dan al-Sunnah bahkan hukum tersebut tidak boleh berubah sama sekali sekalipun berubah masa, suasana, tempat atau keadaan (Noor Naemah 2009:

117). Contohnya persoalan yang berkaitan dengan hukum ibadah, riba, hukuman jenayah dan sebagainya. Oleh itu, para mufti tidak boleh sewenang-wenangnya menukar hukum-hakam yang *qat'i* kepada hukum yang lain bahkan wajib bagi mereka berpegang kepada hukum tersebut kerana pensabitannya jelas daripada Allah SWT.

Sebaliknya, jika isu tersebut merupakan isu yang *zanni* atau isu baru yang tidak mempunyai sandaran hukum, maka hukumnya boleh berubah berdasarkan keperluan dan kepentingan semasa mengikut perubahan masa, tempat dan keadaan. Isu ini dikenali sebagai isu-isu ijtihad yang memerlukan kepakaran dan kebijaksanaan mufti dalam menentukan hukumnya bersesuaian dengan keperluan semasa (al-Nawawi t.t, 1:74).

Oleh itu, ia memerlukan kepada ketepatan dalam *istidlal* dan membuat istinbat yang betul dengan mengambil kira perubahan masa, tempat dan suasana semasa. Justeru, seseorang mufti perlu mahir dalam menguasai ilmu *usul al-fiqh* terutama ketika mengaplikasi metod *qiyas* sebagai contoh untuk mencari ‘*illah* sesuatu hukum berdasarkan proses-proses pencarian ‘*illah* yang tepat (Muhammad al-Basri 1965, 2; 929). Tambahan pula, keperluan semasa pada masa kini memerlukan pihak mufti membuat rujukan kepada para pakar dalam bidang yang lain supaya proses pencarian ‘*illah* dilakukan dengan lebih tepat dan kukuh untuk menentukan hukum bagi sesuatu isu.

Menurut al-Baghdadi, mufti yang berjaya adalah mufti yang dapat mengeluarkan hukum mengikut kaedah istinbat yang betul berdasarkan manhaj usuli sehingga mencapai penentuan hukum yang bersifat rasional (al-Baghdadi 1990, 5: 1594). Kaedah penentuan hukum ini juga harus dibina berdasarkan keutamaan dalil-dalil syarak dengan mengutamakan dalil yang lebih berautoriti. Justeru, pemakaian *usul al-fiqh* merupakan intipati utama dalam proses *al-takyif* bagi menentukan penggunaan kaedah syarak yang betul untuk menyediakan jawapan fatwa yang tepat.

### **Langkah Ketiga: *Tanzil Al-Hukm***

Setelah isu fatwa dipadankan dengan kaedah penentuan hukum melalui pendalilan yang betul dan tepat, maka di peringkat yang ketiga pihak mufti seterusnya akan menetapkan hukum bagi isu yang memerlukan jawapan fatwa. *al-Hukm* ialah penentuan hukum yang diputuskan oleh

mufti bertepatan dengan isu yang dibangkitkan untuk mendapatkan respon fatwa. Maksudnya, setelah mufti memahami secara mendalam isu yang diajukan kepadanya dan memadankan isu tersebut kepada sumber-sumber pendalilan syarak yang sahih, maka barulah mufti memutuskan hukum syarak yang bertepatan sama ada ia akan menjadi wajib, sunat, haram, makruh atau harus.

Meskipun begitu, di peringkat ini menurut al-Jizani, ia bukan semata-mata penentuan hukum sebaliknya penentuan hukum tersebut perlu bersifat menyelesaikan masalah, memberi panduan dan bimbingan serta nasihat kepada pihak yang bertanya (al-Jizani 1996: 520). Hal ini penting kerana dengan jawapan yang bersifat demikian masyarakat akan terus dibimbing untuk menerima ketentuan hukum fatwa dengan penuh keyakinan. al-Qaradawi dalam menyifatkan kepentingan ini mengumpamakan mufti sebagai seorang doktor yang merawat pesakitnya, di mana jika seorang doktor tidak mengetahui secara mendalam hal-hal yang berkaitan dengan perubatan dan perawatan, sudah pasti akan memburukkan keadaan pesakitnya (al-Qaradawi, 1988: 27). Begitulah juga bagi seorang mufti yang memberi fatwa tanpa mengetahui secara mendalam permasalahan yang berlaku pada pihak yang bertanya, sudah pasti fatwa tersebut akan menyukarkan keadaannya.

#### **Langkah Keempat: *Al-Ifta***

Langkah terakhir dalam proses penyelidikan fatwa ialah *al-ifta*. *al-Ifta*’ ialah proses mufti untuk memberikan jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh *al-mustafti* berdasarkan kemampuannya dalam memahami secara menyeluruh realiti persoalan yang diajukan kepadanya. Langkah yang terakhir ini memerlukan kemampuan dan keupayaan mufti untuk memberi jawapan fatwa yang terbaik kepada *al-mustafti* dengan mengambil kira ‘urf dan realiti mereka (Noor Naemah 2009: 122).

Langkah ini amat memerlukan kebijaksanaan mufti dalam menyimpulkan hasil kajian fatwa dengan melihat realiti yang berlaku berasaskan ilmu *maqasid al-shari’ah* dan prinsip-prinsip *maslahah* supaya fatwa yang diputuskan akan meyakinkan masyarakat untuk menerima dan mengamalkanya (Akram 2011). Oleh itu, kekurangan dalam memenuhi sifat tersebut bakal mencerminkan kelemahan

seorang mufti dalam memberikan hukum fatwa yang rasional (al-Jizani 1996: 518). Bahkan fatwa tersebut tidak mendatangkan sebarang bentuk penyelesaian terhadap persoalan yang berlaku.

## KAEDAH ASAS DALAM PENYELIDIKAN FATWA SEMASA

### Aplikasi Ilmu *Usul Al-Fiqh*

Aplikasi ilmu *usul al-fiqh* merupakan intipati utama dalam metod berfatwa yang menjadi syarat penting bagi kelayakan seorang mufti. Ini kerana, keautoritian dan kewajaran sesuatu fatwa bergantung kepada kaedah pendalilan yang digunakan berdasarkan ilmu *usul al-fiqh*. Sikap bertaqlid dan jumud kepada fatwa-fatwa klasik yang dimuatkan dalam kitab-kitab turath secara mutlak tanpa melihat kepada kaedah pendalilan dan pengistinbatan dalam *usul al-fiqh* (al-Sadiq 2006) akan melahirkan fatwa-fatwa yang tidak rasional dan tidak dilihat relevan untuk dijadikan penyelesaian masalah.

al-Khatib al-Baghdadi menegaskan bahawa seorang mufti wajib mempunyai kepakaran yang mendalam tentang kaedah pendalilan berdasarkan nas al-Quran dan al-Sunnah serta cara mengistinbatkan hukum melalui *ijma'* dan *qiyyas* sehingga mereka mampu menyelesaikan hukum-hukum semasa yang berlaku dan menyediakan jawapan hukum yang tepat (al-Khatib al-Baghdadi 1412H, 2:330). Para sarjana silam meletakkan kepakaran dalam bidang usul al-fiqh sebagai kelayakan utama bagi seorang mufti yang juga digelar sebagai mujtahid (al-Syinqiti 2001: 370) apabila ingin mengeluarkan fatwa bahkan ia menjadi syarat utama dalam penentuan sesuatu hukum.

Namun, realiti yang berlaku pada masa kini memerlukan kepada adunan secara bersepadau antara ilmu *usul al-fiqh* dengan penyelidikan ilmiah secara moden supaya persoalan yang berlaku benar-benar dapat dikenalpasti secara tepat yang akhirnya memudahkan proses penentuan hukum dari sumber-sumbernya. Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim dalam satu artikelnya mengutarakan bahawa para ulama pada zaman moden kini perlu menggabungkan penyelidikan ilmiah semasa antara ilmu *usul al-fiqh* dengan kaedah penyelidikan moden secara bersepadau (Rahimin 2006: 44). Sandaran kepada *usul al-fiqh* semata-mata dengan menggunakan pakai kaedah-kaedah klasik dalam bentuknya

yang dibincangkan oleh ulamak terdahulu tidak dapat menyelesaikan permasalahan ummah yang berlaku pada zaman moden ini (Saedon 1997).

Oleh itu pendekatan terbaru dalam kaedah penyelidikan hukum Islam semasa perlu diwujudkan melalui gabungan bersepada antara manhaj usuli dengan manhaj moden. Disiplin ilmu usul al-fiqh telah menyediakan kaedah penentuan hukum secara tepat dengan memperkenalkan pelbagai teori yang mampu melahirkan hukum secara rasional dan menepati kehendak syariat (Louay 1996: 33). Justeru itu, gabungan penyelidikan moden dalam penentuan hukum Islam semasa menjadi suatu keperluan pada masa kini bahkan para mufti perlu melibatkan diri dalam penyelidikan semasa ini (Zulkifli 2006).

Teori penentuan hukum seperti kaedah mengenal pasti '*illah*' bagi sesuatu isu yang tidak pernah berlaku (Mat Saad 1997) dianggap sebagai teori terbaik dalam menentukan sesuatu hukum semasa yang tidak mempunyai sandaran nas. Melalui analogi yang dilakukan dengan melihat persamaan '*illah*' yang wujud antara hukum baru yang tidak mempunyai sandaran nas dengan hukum terdahulu yang dinaskan (al-Subki 2003: 80), ditambah pula dengan pembuktian saintifik semasa yang bersifat membantu, maka ia akan melahirkan sebuah natijah hukum yang rasional dan bertepatan dengan objektif syarak (Anuar Ramli et.al 2011).

### **Mengambil Kira Keutamaan Sumber dalam Proses *Istidlal* dan *Istinbat***

Sebelum keluarnya keputusan fatwa, pencarian sumber untuk mengenal pasti hukum yang harus diputuskan adalah suatu kemestian. Rujukan kepada sumber-sumber yang berautoriti menjadi syarat utama sebelum keputusan fatwa diputuskan. Justeru, bagi mengenal pasti kerasionalan dan ketepatan sesuatu hukum, ia perlu didasari oleh proses *istidlal* dan *istinbat* yang tersusun mengikut keutamaan sumbernya (al-Baghdadi 1990, 5: 1595).

Mat Saad Bin Abd Rahman mengutarakan bahawa para ilmuwan Islam yang terlibat dalam proses *istinbat* hukum semasa pada masa kini perlu mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai setiap sumber pendalilan, bahkan yang lebih utama mengaplikasi setiap sumber pendalilan tersebut mengikut keutamaan dengan mendahulukan

rujukan kepada al-Quran, kemudian al-Sunnah dan seterusnya sumber-sumber utama dalam perundangan Islam (Mat Saad 1997).

Oleh itu, unsur ketertiban sumber menjadi keperluan yang bersifat asasi dalam usaha melakukan proses pendalilan. Sebagai urutannya, sumber pertama yang mesti dirujuk adalah kepada al-Quran terlebih dahulu dengan melihat tafsir-tafsir ayat yang banyak dibincangkan oleh para *al-mufassir*. Ia merangkumi perbincangan mengenai kaedah penafsiran lafaz-lafaz nas yang merangkumi lafaz ‘am, khas, mutlaq, muqayyad, nasakh dan mansukh, mujmal, mufassar, majazi, haqiqi dan sebagainya (al-Khatib al-Baghdadi 1412H). Kedua, rujukan kepada hadis melalui syarah-syarahnya bermula dengan hadis *al-mutawatir* hingga hadis *al-ahad*. Termasuk juga kaedah penjelasan hadis dalam bentuk lafaz-lafaz yang *mutlak*, *muqayyad*, *mufassar*, *mujmal* dan sebagainya. Ketiga, merujuk kepada pandangan-pandangan yang *asah* dalam empat mazhab yang utama menerusi kitab-kitab mereka yang muktabar serta hukum-hukum yang telah disepakati melalui *ijma'* para ulama termasuk juga melihat kepelbagai pandangan yang dikemukakan oleh para sahabat, tabi'in serta para fuqaha lain (Mat Saad 1997). Dalam situasi ini, para mufti perlu bijak dan mahir mentarjih setiap pandangan yang saling berkontradiksi berdasarkan *maslahah* dan keperluan semasa yang berlaku.

Keempat; jika persoalan tersebut belum pernah dibincangkan oleh para ulama silam, para mufti perlu berijtihad dengan mengaplikasikan kaedah *usul al-fiqh* yang pelbagai seperti prinsip *qiyyas*, *istihsan*, ‘urf, *masalih mursalah* dan sumber-sumber lain yang diperakui serta menggunakan kaedah-kaedah fiqh bagi mengenal pasti hukum yang rasional dalam menyelesaikan isu berbangkit (Hashim 1999).

### **Meraikan Kepentingan *Maqasid al-Shari'ah***

Pemahaman tentang *maqasid al-shari'ah* merupakan keperluan asas yang penting bagi mana-mana pihak yang akan terlibat dengan amalan fatwa. Menentukan secara tepat pertimbangan maslahah dan mafsaadah dalam setiap keputusan fatwa yang akan dibuat menjadi nadi utama bagi memastikan jawapan hukum yang dipilih adalah bertepatan dengan kepentingan hidup masyarakat iaitu menjamin kebaikan dan menjauhkan kemudaratuan ke atas mereka (Hassan 1999). Rumusan

daripada pelbagai takrifan yang diberikan oleh para fuqaha mengenai *maqasid al-shari'ah* dapat disimpulkan bahawa ia dirujuk sebagai objektif syarak dalam pensyariatan hukum Islam di samping dapat merealisasikan kepentingan para mukallaf dengan cara mendatangkan suatu kebaikan dan menolak kerosakan. Imam al-Shatibi membahagikan tingkatan *maqasid al-shari'ah* kepada tiga kedudukan, pertama: *daruriyat*. Kedua: *hajiyat*. Ketiga: *tahsiniyat* (Ziyad Muhammad 2008: 23). Dalam merealisasikan kepentingan *daruriyat*, penjagaan lima perkara perlu diberi perhatian dan keutamaan sebelum memutuskan sesuatu hukum yang melibatkan kepentingan ummah iaitu kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Shatibi 1997: 17).

Oleh itu, seorang mufti perlu mengambil kira kelima-lima kepentingan tersebut dalam memutuskan keputusan fatwa, lebih-lebih lagi persoalan yang menyentuh kepentingan umat Islam pada masa kini. Penjagaan lima kepentingan *daruriyat* menjadi syarat yang perlu diberikan perhatian bagi memastikan penentuan fatwa dibuat berdasarkan kepentingan pengambilkiraan prinsip maqasid tersebut.

Selain itu, pihak mufti juga perlu mengambil kira kepentingan *hajiyat* dalam menentukan keputusan fatwa apabila berlaku sesuatu permasalahan yang memerlukan kelonggaran atau keringanan supaya tidak menimbulkan kepayahan atau kesukaran kepada umat Islam. Di samping itu, pihak mufti harus memberi perhatian terhadap prinsip *muwazanat* (pertimbangan) dengan mengambil kira keperluan *maslahah* atau *mafsadah* yang timbul daripada persoalan yang berlaku jika sesuatu perkara itu memerlukan pertimbangan antara kedua-dua aspek tersebut (al-Qaradawi 1996: 30). Oleh itu, mufti perlu bijak dalam menilai dan menganalisis implikasi yang bakal terhasil daripada fatwa yang diputuskan sama ada merealisasikan *maslahah* atau menolak *mafsadah* ('Izz al-Din 1991, 1: 60). Justeru itu, pertimbangan atau *muwazanat* sangat penting dalam persoalan yang berkaitan dengan *maslahah* atau *mafsadah* bagi menentukan sama ada menerima *maslahah* lebih utama atau pun menolak *mafsadah* (Ridzwan 2008).

Realitinya, persoalan semasa pada masa kini dilihat lebih mencabar dan memerlukan pertimbangan yang bijak dari pihak institusi fatwa sendiri kerana setiap persoalan semasa tersebut mempunyai *maslahah* dan *mafsadahnya* yang perlu diambil kira serta impak yang bakal berlaku daripada keputusan fatwa yang diputuskan.

### **Memahami dan Mengambil Kira Realiti Semasa**

Para sarjana silam mahupun kontemporari melontarkan pandangan yang sama dalam memperkatakan perlunya mengambil kira realiti dan kondisi semasa dalam amalan berfatwa. Bahkan ia dikira sebagai metode asas dalam penyelidikan fatwa semasa pada masa kini. Jika diimbaskan kembali kepada pembinaan hukum Islam dalam aliran mazhab fiqh, didapati bahawa nilai, realiti dan persekitaran semasa mempengaruhi kewujudan fatwa, pandangan hukum dan hasil ijтиhad yang berbeza-beza (Mahmood Zuhdi 1992). Sebagai contoh, kewujudan *qawl qadim* dan *qawl jadid* dalam aliran fiqh al-Shafi'i, di mana suasana masyarakat dan realiti yang berlaku di Mesir berbeza dengan suasana di Iraq. Hal ini menyebabkan Imam al-Shafi'i terpaksa mengemukakan pandangan-pandangan baru dalam *qawl jadid* kerana *qawl qadim* tidak dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku pada ketika itu ('Ali Juma'ah 2007: 23; Sihabuddin 2005: 92).

Begitu juga dengan teori *al-istihsan* dalam manhaj *usuli al-Hanafi*, (al-Hamawi 1996: 23) di mana kewujudan teori tersebut disebabkan oleh teori *qiyyas* yang sedia ada tidak mampu diaplikasi bagi menyelesaikan masalah fiqh atau sebagai langkah menangani kesukaran yang berlaku atau sebagai hukum alternatif bagi menjaga maslahah tertentu. Begitu juga dengan mazhab al-Maliki, pegangan kepada '*amal ahl al-Madinah*' membuktikan bahawa amalan dan nilai setempat yang diamalkan oleh masyarakat Madinah pada waktu itu (Karim Ali 1999) menjadi salah satu daripada sumber perundungan hukum Islam dengan alasan bahawa amalan mereka berteraskan kepada wahyu dan sunnah Rasulullah SAW.

Justeru, ia membuktikan bahawa pengambilkiraan realiti dan faktor setempat perlu diadun dalam mentafsirkan dan menjelaskan hukum-hukum syarak tanpa bepegang semata-mata kepada nas secara zahir atau mutlak. Sikap bertaqlid kepada hukum atau fatwa terdahulu secara statik tanpa melihat kepada perubahan semasa atau realiti yang berlaku boleh menyebabkan kegelinciran dan ketidaktepatan dalam mengeluarkan hukum fatwa (Mahmood Zuhdi dan Paizah 2006).

Ibn 'Abidin menegaskan bahawa, *terdapat banyak hukum yang dihasilkan oleh para mujtahid berasaskan 'urf dan nilai semasa di zamannya. Oleh itu, hukum-hukum tersebut berubah dengan sebab berubahnya masa, tempat dan suasana kerana perubahan yang*

*berlaku dalam corak hidup masyarakat atau berlakunya sesuatu kemudaran atau pincangnya akhlak masyarakat pada ketika itu* (Ibn ‘Abidin 1998, 2: 125). Oleh itu, mengambil kira perubahan yang berlaku dalam masyarakat serta memahami realiti semasa yang berlaku adalah sesuatu yang telah diperakui dan disepakati oleh para ulama dan mujtahid sejak dahulu lagi berdasarkan perubahan yang berlaku dalam fatwa dan hukum yang diputuskan (Irwan Subri 2004).

Justeru itu, para mufti pada masa kini sewajarnya menuruti jejak langkah para ulama silam dengan mengaplikasi kerangka dan panduan yang disediakan, bukan hanya bersikap taqlid atau jumud dalam memutuskan hukum fatwa tanpa sebarang justifikasi yang jelas. Md. Saleh Hj Ahmad menyatakan bahawa, objektif pensyariatan hukum-hukum syarak adalah untuk memberi kepentingan kepada manusia sejagat, menegakkan keadilan, menghapuskan kerosakan dan keburukan. Maka, objektif ini perlu diambil kira sewaktu menafsirkan dan memahami nas-nas syarak.

## PENYELIDIKAN DALAM AMALAN BERFATWA

### Penyelidikan Fatwa Semasa

Penyelidikan dalam mengeluarkan sesuatu hukum telah lama diperaktikkan sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat lagi di mana pada ketika itu ia dikenali sebagai ijtihad (Mahmood Zuhdi 1992). Penyelidikan merupakan suatu bentuk kerja atau usaha yang bersungguh-sungguh di mana ia melibatkan pengumpulan data dan maklumat daripada sumber-sumber yang khusus, seterusnya menjalankan penganalisaan terhadap data-data tersebut mengikut kaedah yang teratur dan sistematik (Mahmood Zuhdi 2006). Ini kerana objektif daripada penyelidikan tersebut adalah bagi mendapatkan jawapan secara ilmiah terhadap persoalan yang diselidiki. Justeru, proses penyelidikan ini sama kedudukannya dengan proses ijtihad kerana kedua-duanya merupakan daya usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperolehi jawapan bagi sesuatu permasalahan yang tidak mempunyai rujukan nas.

Noor Naemah Abd Rahman menegaskan bahawa, antara dasar utama dalam pembinaan fatwa ialah melakukan kajian dan penyelidikan secara mendalam kerana ia merupakan amalan yang diperaktikkan oleh

para sarjana silam dalam berfatwa. Jika dilihat kepada hasil hukum dan fatwa ulama-ulama terdahulu, ia dibentuk melalui penyelidikan dan kajian yang terperinci mengenai sesuatu isu berdasarkan sumber-sumber yang diperakui, seterusnya diadun dengan realiti dan faktor semasa yang berlaku dalam masyarakat (Noor Naemah 2002).

Hasilnya, hukum yang diputuskan dapat memenuhi objektif syarak bahkan mampu menyelesaikan permasalahan semasa yang berlaku. Penyelidikan fatwa semasa pada masa kini tidak boleh dilakukan secara mudah atau ringkas dengan cara mencedok hukum-hukum yang sedia ada daripada kitab-kitab fiqh klasik, atau mentarjih pandangan-pandangan yang menjadi perselisihan, atau membandingkan setiap pandangan yang bertentangan, lalu diputuskan sebagai keputusan fatwa. Penyelidikan fatwa harus melalui proses yang teratur dan tersusun dengan merujuk kepada sumber-sumber yang disepakati dan diperakui oleh jumhur ulama daripada sumber primer dan sekunder dengan mengaplikasi ilmu usul al-fiqh sebagai metodologi penyelidikan fatwa (Paizah 2010 dan Mohd Daud 1997).

Realitinya, penyelidikan masa kini bukan sekadar menumpukan kepada penyelidikan yang bersifat kepustakaan sahaja tetapi amat memerlukan penyelidikan yang bersifat lapangan juga. Penyelidikan lapangan sangat penting bagi memperolehi data-data yang bersifat empirikal kerana perubahan masa, keadaan dan corak hidup yang sentiasa berubah daripada semasa ke semasa menyebabkan kajian terperinci perlu dilakukan. Rujukan yang bersifat kepustakaan semata-mata hanya boleh memberi pejelasan secara teori, tetapi penyelidikan lapangan menjelaskan lagi keadaan sebenar permasalahan yang berlaku.

Keperluan penyelidikan lapangan dalam amalan berfatwa ini ditegaskan oleh Mahmood Zuhdi Abd Majid, di mana beliau menyatakan bahawa kajian lapangan sangat penting dalam amalan berfatwa pada masa kini bertujuan bagi mendapatkan data dan maklumat yang tepat mengenai perkara yang sebenar memandangkan keadaan hidup manusia sentiasa berubah setiap masa (Mahmood Zuhdi 2006). Oleh itu, hukum-hukum terdahulu tidak semestinya bersesuaian pada masa sekarang kerana zaman telah mengalami banyak perubahan.

Manakala Idris Awang menjelaskan bahawa, penyelidikan semasa merupakan huraian terbaik bagi mengenalpasti keadaan yang sebenar kerana ia bukanlah sesuatu yang mudah sekadar melihat dan mendengar

sahaja, bahkan keadaan tersebut perlu dilihat dari segenap sudut dan perspektif serta perubahan semasa yang berlaku (Idris Awang 1999). Justeru, hanya penyelidikan ilmiah sahaja mampu menghuraikan keadaan tersebut dengan lebih tepat.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa penyelidikan ilmiah atau semasa ini merupakan suatu keperluan yang sangat penting dalam penyelidikan fatwa pada masa kini. Ini kerana, perubahan masa, suasana dan zaman telah mengubah corak kehidupan masyarakat dari semasa ke semasa. Justeru itu, pemahaman yang jelas diperlukan bagi mengenal pasti situasi sebenar yang berlaku pada satu-satu keadaan. Maka, pemahaman ini semestinya berasaskan maklumat yang tepat dan konkret di mana ia hanya boleh diperolehi melalui penyelidikan semasa yang dijalankan. Kesimpulannya, penyelidikan fatwa semasa pada masa kini perlu dibentuk melalui empat gabungan:

- i. Penyelidikan dengan merujuk al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan primer. Bagi memahami sumber al-Quran dan al-Sunnah, rujukan kepada tafsir al-Quran dan syarah hadis perlu dilakukan dengan terperinci.
- ii. Penyelidikan dengan rujukan sekunder yang terdiri dari sumber-sumber hukum yang disepakati iaitu *ijma'* dan *qiyyas* dan sumber-sumber yang tidak disepakati iaitu *al-istihsan*, *maslahih mursalah*, *sad al-dhara'*, *al-istishab*, '*amal ahl al-madinah* dan sebagainya.
- iii. Penyelidikan dengan mengambil kira *maqasid al-shari'ah* yang merangkumi pertimbangan antara *maslahah* dan *mafsadah*, *al-awlawiyat*, *al-muwazanat*, dan *fiqh al-waqi'* yang berlaku.
- iv. Penyelidikan ilmiah semasa yang melibat penyelidikan lapangan, klinikal, eksperimen dan sebagainya bagi mendapatkan maklumat sebenar mengenai punca pemasalahan sesuatu hukum.

## KEPENTINGAN PENYELIDIKAN DALAM PENGELOUARAN FATWA

Penyelidikan dalam pengeluaran fatwa pada masa kini boleh dikatakan sebagai keperluan yang sangat penting pada zaman moden ini. Para mufti dan pegawai yang terlibat seharusnya mengaplikasi kaedah penyelidikan ini dalam proses pengeluaran fatwa khususnya fatwa-fatwa berkaitan dengan persoalan semasa. Amalan penyelidikan

ilmiah ini sudah lama dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat melalui kaedah ijтиhad di mana pada ketika itu isu-isu semasa diputuskan melalui keilmuan dan prinsip serta manhaj ilmiah yang tertentu. Penyelidikan ilmiah adalah gabungan daripada bentuk-bentuk kajian secara teori dan praktikal di mana sesuatu isu itu tidak boleh dikenalpasti secara mudah dengan hanya melihat atau mendengar sahaja, bahkan isu tersebut perlu dilihat secara keseluruhan dan sedalam-dalamnya dari pelbagai dimensi (Idris Awang 1999).

Menerusi cara penyelidikan yang sistematik, barulah boleh dikenalpasti punca atau masalah yang berlaku dengan jelas. Hakikatnya, penyelidikan adalah satu-satu daripada proses ijтиhad yang sudah diwarisi sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Oleh kerana itu, ijтиhad boleh dihuraikan sebagai usaha menjalankan penyelidikan secara praktikal dengan bersungguh-sungguh mengenai sesuatu hukum (al-Ghazali t.t: 342). Justeru itu, kepentingan penyelidikan dalam pengeluaran fatwa pada masa kini boleh dilihat kepada beberapa justifikasi;

**Pertama:** Mengenal pasti permasalahan sebenar yang berlaku dalam persolan yang dimohonkan fatwa hukum tentangnya (Rahimin 2002). Isu-isu semasa pada hari ini kebanyakannya terdiri daripada persoalan yang tidak mempunyai rujukan hukum atau dalil yang tertentu secara langsung. Sekalipun hukumnya ada, namun ia perlu dinilai semula berdasarkan kesesuaian masa dan tempat disebabkan perubahan semasa yang berlaku. Justeru itu, permasalahan ini hanya akan dapat dikenalpasti dan diselesaikan melalui penyelidikan ilmiah yang dijalankan secara serius (Paizah 2010). Sebelum diputuskan sesuatu hukum ke atas isu yang berlaku, wajar sekali seorang mufti atau pegawai penyelidik fatwa mengetahui dan memahami secara konkrit punca atau masalah yang menimbulkan isu tersebut supaya dapat melihat gambaran sebenar tentang persoalan yang dikaji tanpa menentukan hukumnya secara mudah (Paizah 2010).

**Kedua:** Mendapatkan data atau maklumat secara terancang supaya dapat menjelaskan sesuatu isu atau menjawab persoalan yang berlaku (Idris Awang 1999). Melalui penyelidikan ilmiah, proses pengumpulan data atau maklumat dapat dilakukan dengan sistematik dan tepat. Ini kerana, data-data diperolehi terus daripada subjek yang dikaji atau diselidiki tanpa sebarang andaian atau kemungkinan yang tidak pasti. Justeru itu, dalam proses pengeluaran fatwa, data-data

yang berkaitan dengan isu fatwa sangat penting diperolehi daripada sumber-sumber yang berautoriti dan dipercayai. Oleh itu, pelbagai kaedah penyelidikan perlu dijalankan sama ada dari aspek teori melalui kajian kepustakaan maupun praktikal melalui kajian lapangan supaya data yang didapati boleh menjadi mekanisme utama dalam membantu menghasilkan hukum fatwa. Bagi memenuhi tujuan penyelidikan dalam amalan berfatwa, maklumat atau data perlu diperolehi dari sumber semasa kerana sudah pasti ia menjelaskan realiti dan keadaan sebenar isu fatwa tersebut (Idris Awang 1999). Dalam beberapa isu, seorang yang pakar dalam bidang tertentu boleh dikira sebagai sumber semasa yang berautoriti kerana kepakarannya dalam bidang tersebut. Oleh itu, pencarian data dan maklumat yang tepat melalui sumber-sumber yang terkini, semasa dan berautoriti sangat membantu para mufti dan pegawai penyelidik menyediakan kertas kerja yang kukuh dan terperinci mengenai isu fatwa yang ingin diputuskan.

**Ketiga:** Menentukan dan menilai semula hukum ke atas sesuatu isu dengan lebih tepat dan bersifat semasa (Idris Awang 1999). Natijah daripada hasil penyelidikan sudah semestinya membantu untuk menghasilkan satu kesimpulan atau keputusan yang tepat dan berautoriti. Oleh itu, penyelidikan dalam amalan berfatwa memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan keputusan fatwa atau penilaian semula hukum terdahulu dengan lebih tepat dan bersifat menjawab persoalan umat. Mahmood Zuhdi Abd. Majid menegaskan bahawa penyelidikan dalam pengeluaran fatwa merupakan suatu agenda terpenting dalam proses penghasilan fatwa pada masa kini (Mahmood Zuhdi 2010). Penyelidikan yang hanya dijalankan secara pasang siap atau nukilan semata-mata tanpa usaha kajian yang serius sudah pasti membahayakan keputusan fatwa yang tidak mampu menjawab pelbagai persoalan yang sukar dengan latarbelakang perkembangan semasa dalam kehidupan manusia pada hari ini.

**Keempat:** Penyelidikan fatwa yang mengikut metode kajian moden akan lebih diterima oleh para penyelidik dalam bidang-bidang lain. Hal ini kerana, penyelidikan fatwa yang bersandarkan kepada metode tersebut menunjukkan ciri-ciri penyelidikan yang sebenar sehingga menghasilkan penemuan yang tepat. Kaedah penyelidikan seperti ini sememangnya diperlukan bagi menyelesaikan setiap permasalahan yang berlaku dalam bidang-bidang yang lain kerana

bentuk penyelidikannya tersusun dan sistematik. Bermula dari pengenalpastian masalah dan latar belakangnya dengan meneliti setiap aspek semasa yang berkaitan, seterusnya menggunakan segala sumber untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenalpasti dengan sumber yang tepat. Akhirnya akan menghasilkan jawapan dan keputusan yang menepati kehendak masalah. Oleh itu, dalam konteks ini kajian makmal, klinikal, eksperimen dan sebagainya memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan natijah yang tepat dan meyakinkan. Tambahan pula, perubahan semasa adalah kemestian yang diambilkira dalam menangani persoalan-persoalan yang bersifat baru supaya jawapan dapat menjawab situasi persoalan tersebut. Hal ini juga turut diambilkira dalam penyelidikan di bidang-bidang yang berlainan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan teori dan asas berfatwa yang dikemukakan para fuqaha silam dan semasa jelas membuktikan bahawa fatwa bukanlah semata-mata sebagai satu respon hukum tetapi fatwa lebih bersifat menjawab dan menyelesaikan permasalahan kerana lazimnya fatwa diajukan bagi situasi yang belum mempunyai rujukan hukum. Justeru itu, prinsip dan asas dalam mengeluarkan fatwa perlu dipatuhi oleh para mufti agar tidak berlaku kegelinciran dalam berfatwa sehingga menghasilkan keputusan hukum yang tidak tepat.

Selain menguasai ilmu *usul al-fiqh*, seseorang mufti juga perlu memahami realiti semasa yang berlaku dengan mengambil kira setiap perubahan dalam pelbagai aspek sebelum memutuskan sesuatu fatwa bahkan perlu melihat kepentingannya dalam *maqasid al-shari'ah*. Penyelidikan semasa perlu dijalankan sebagai salah satu daripada manhaj berfatwa pada masa kini. Oleh itu, kesemua asas dan kaedah ini perlu diadun supaya menjadi metode yang kukuh, jelas dan berkemampuan untuk menyelesaikan permasalahan ummah pada hari ini.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Majid al-Najar. 1989. *Fi Fiqh al-Tadyin Fahman Wa Tanzilan, Kitab al-Ummah*. t.tp: Dar Akhbar al-Yaum.
- ‘Ali Bin ‘Abbas al-Hakami. 1999. *Usul al-Fatwa wa Tatbiq al-Ahkam al-Syar’iyyah fi Bilad Ghayr al-Muslimin*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- ‘Ali Juma’ah Muhammad. 2007. *al-Madkhal ila Dirasah al-Madhahib al-Fiqhiyah*. Cet. ke-2. Kaherah: Dar al Salam.
- Abdul Karim Ali. 2007. “Faktor-Faktor Semasa Dan Setempat Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum” dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Karim Bin Ali. 1999. “Pengambilkiraan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan Dan Batas”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abi al-‘Abbas Ahmad Bin Idris al-Qarafi. 1998. *al-Furuq anwar al-Buruq fi anwa’ al-Furu*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Abi al-Husayn Muhammad Bin ‘Ali al-Tayyib al-Basri. 1965. *al-Mu’tamad fi Usul al-Fiqh*. Jil. 2, Damsyiq: Ma’had al-‘Alami al-Faransi li al-Dirasah al-‘Arabiayah.
- Abi Ya’la Muhammad Bin al-Husayn al-Farra’ al-Baghdadi. 1990. *al-‘Uddah fi Usul al-Fiqh*. Jil. 5. Cet. ke-2. Riyad: al-Mamlakah al-‘Arabiayah al-Sa’udiyah.
- Abu Bakr Ahmad Bin ‘Ali al-Khatib al-Baghdadi. 1412H. *al-Faqih wa al-Muttafaqih*. Jil.2. Cet. ke-2. Arab Saudi: Dar Ibn al-Juzi.
- Abu Muhammad ‘Izz al-Din Bin ‘Abd al-Salam al-Damsyiqi. 1991. *Qawa’id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Jil. 1, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyah.

- Abu Zakariya Muhyi al-Din Bin Syarf al-Nawawi. t.t. *al-Majmu*. Jil. 1, Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Ahmad Bu'ud. 2006. *Fiqh al-Waqi' Usul wa Dawabit*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1996. *Fi Fiqh al-Awlaviyat Dirasah Jadidah Fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*. Cet. ke-2. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- \_\_\_\_\_. 1988. *al-Fatwa Bayna al-Indibat wa al-Tasayyub*. Kaherah: Dar al-Sahwah.
- al-Sadiq 'Abd al-Rahman al-Gharyani. 2006. "Nazariyah al-Ijtihad wa 'Alaqtuhu bi al-Fatwa", dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al, (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (IN-FAD).
- al-Shatibi, Abi Ishak Ibrahim Bin Musa. 1997. *al-Muwafaqat*. Jil. ke-5. 'Arab Sa'udi: Dar Ibn 'Affan.
- al-Shatibi. 1985. *Fatawa al-Imam al-Shatibi*. Cet. ke-2, Tunis: t.p.
- al-Subki, Taj al-Din 'Abd al-Wahhab bin Taqiy al-Din. 1991. *al-Asybah wa al-Nazair*. Jilid pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Anuar Ramli, et.al. 2011. *Realisasi Pandangan Fuqaha Tentang Makanan Berasaskan Nilai Saintifik Semasa*. Seminar Hukum Islam Semasa VII, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Isla, Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011.
- Dar al-Ifta al-Misriyah, "Marahil al-Fatwa", laman sesawang *Dar al-Ifta al-Misriyah*, dicapai 7 September 2012, <http://www.dar-alifta.org/ViewFatawaConcept.aspx?LangID=1&ID=73>.
- Hassan Hj Ahmad. 1999. "Maqasid Syariah: Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. 1998. *Majmu'ah Rasail Ibn 'Abidin*. Jil. ke-2. t.tp: t.p.

- Ibn Qayyim al-Jawziyyah Abi ‘Abd Allah Muhammad Bin Abi Bakr. 1423H. *I’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Alamin*. Jil ke-6. Jeddah: Dar Ibn Qayyim al-Jawzi.
- Idris Awang. 1999. “Penyelidikan Ilmiah Dan Kepentingannya Dalam Penentuan Semula Hukum” dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Irwan Bin Mohd Subri. 2004. “Fiqh al-Waqi’ Dalam Ijtihad”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004*, ed. Irwan Mohd Subri, et.al. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Jamal al-Din Muhammad Bin Mukram Ibn al-Manzur. 1990. *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Louay M. Safi. 1996. *The Foundation of Knowledge: A Comparative Study in Islamic and Western Methods of Inquiry*. Petaling Jaya: International Islamic University Malaysia Press.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 2006. “Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa”, dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).
- \_\_\_\_\_. 2006. *Transformasi Fikah Semasa*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. 1992. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Cet. ke-2. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mahmud Saedon Awang Othman. 1997. “Etika, Mufti: Tugas Dan Peranan Dalam Menghadapi Alaf Baru”. Seminar Serantau: Mufti Dan Fatwa, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 23-24 September 1997.
- Mat Saad Bin Abdul Rahman. 1997. “Istinbat: Asas Dan Metodologi”. Seminar Serantau: Mufti Dan Fatwa, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 23-24 September 1997.
- Mohamad Akram Laldin. 2011. *Introduction to Shari’ah & Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd, 2011.

- Mohd Daud Bin Bakar.1997. “Usul al-Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan Dalam Pengajian Syariah”, dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Abu Zuhrah. 1997. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Muhammad Bin Husayn al-Jizani. 1996. *Ma’alim Usul al-Fiqh ‘ind ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*. Riyad: Dar Ibn al-Juzi.
- Muhammad Hashim Kamali. 1999. *Principles of Islamic Juristic Prudence*. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.
- Noor Naemah Abd. Rahman. 2002. “Ruang ijтиhad dalam amalan fatwa di Malaysia: Sorotan dari sudut pentadbiran fatwa”. *Jurnal Syariah* 10, no. 2.
- \_\_\_\_\_. 2009. “al-Marahil allati Tamurr biha al-Fatwa.” *al-Risalah Jurnal Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan* 7, edisi 15, no. 2.
- \_\_\_\_\_.2002. “Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa,” *Jurnal Syariah* 10, no. 2.
- Paizah Hj Ismail. 2010. “Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum Dalam Pengeluaran Fatwa”, dalam *Monograf al-Ifta’*, ed. Wan Morsita Wan Sudin, et.al. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim. 2006. “Kebudayaan Melayu Dan Islam Di Nusantara: Suatu Analisis Pengkaedahan”, dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Hj Ahmad, et.al. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ridzwan Ahmad. 2008. “Metode Pentarjihan Maslahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa.” *Jurnal Syariah* 16, no. 1.
- Sihabuddin Muhaemin, Pandangan al-Syafi’i Dalam Qaul Qadim Dan Qaul Jadid: Satu Analisis (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

- Taj al-Din 'Abd al-Wahhab al-Subki. 2003. *Jawami' fi Usul al-Fiqh*. Cet. ke-2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ziyad Muhammad Ahmidan. 2008. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyah Dirasah Usuliyah wa Tatbiqat Fiqhiyah*. Beirut: Risalah Publishers.
- Zulkifli Bin Mohammad al-Bakri. 2006. "Syarat-Syarat Ijtihad Dalam Fiqh Semasa Mengikut Perkembangan Teknologi." Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia INFAD, 5-6 Disember 2006.